

MAKLUMAT ASAS TENTANG PROGRAM OMBUDSMAN

Program Ombudsman memberikan kakitangan UTC dan orang lain saluran alternatif untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan tentang isu perniagaan (kecuali perkara yang tertakluk pada peruntukan perjanjian tawar-menawar kolektif atau dibatasi oleh undang-undang berkaitan). Program Ombudsman ini sulit (dengan melindungi identiti individu yang mengajukan isu), neutral (tidak menyokong mana-mana pihak, sama ada pihak pengurusan atau kakitangan), dan bebas (dengan beroperasi secara berasingan daripada pihak pengurusan).

- Hantarkan borang ini dalam bahasa pilihan anda kepada Ombudsman Program Office (alamat di halaman belakang borang ini). Pegawai Ombudsman yang memproses isu anda mungkin mendapatkan khidmat penterjemahan dari luar, yang juga tertakluk kepada kerahsiaan. Maklumat yang boleh mengenal pasti anda sebagai penulis akan dipadam sebelum dihantar kepada pihak pengurusan bagi mendapatkan jawapan.
- Pihak pengurusan UTC akan menyemak, menyasat dan memberikan jawapan kepada pertanyaan program. Pegawai Ombudsman akan menyemak jawapan pihak pengurusan dan menghantarkannya kepada anda jika anda memberikan alamat rumah anda. Tanpa alamat, jawapan tersebut tidak dapat dihantar terus kepada anda. Walau bagaimanapun, pertanyaan tersebut masih akan dihantar kepada pihak pengurusan untuk semakan dan tindakan yang sewajarnya. Isu kurang rumit diproses dalam masa 14 hari. Namun, bagi proses yang lebih rumit, pihak pengurusan mungkin memerlukan lebih banyak masa. Dalam kes sebegini, pegawai Ombudsman akan memberitahu anda tarikh sasaran baharu untuk menyelesaikan isu anda.
- Selain menggunakan borang ini, anda juga boleh menghantar permintaan anda secara elektronik di <https://ombudsman.confidential.utc.com>. Arahan terperinci untuk menghantar permintaan anda disediakan di laman web. Laman web ini bukan dihos oleh UTC dan semua penghantaran masuk dan keluar dari laman web ini akan disulitkan dan dilindungi. Untuk memastikan kerahsiaan penuh, komputer syarikat tidak boleh digunakan untuk komunikasi Ombudsman.
- Jika pertanyaan anda mungkin melibatkan isu etika, undang-undang, atau isu yang rumit, pegawai Ombudsman UTC akan menghubungi anda untuk membincangkan langkah seterusnya dan pilihan yang ada.
- Jika anda ingin menghubungi sendiri pegawai Ombudsman, telefon: **800.871.9065**

Jika memanggil dari luar Amerika Syarikat, anda mesti menambah kod negara "1" kepada nombor telefon yang diberikan di atas. Untuk membuat panggilan percuma, anda boleh menggunakan kod akses AT&T Direct untuk negara anda, maklumat ini boleh diperoleh di www.business.att.com/bt/access.jsp. Selepas anda memasukkan kod akses, dengar gesaan (suara atau tona) dan kemudian masukkan nombor yang anda hendak hubungi.

NOTA: Program Ombudsman ialah saluran komunikasi sulit – perantara antara anda dengan pihak pengurusan UTC. Hubungan anda dengan Program Ombudsman bukan notis formal kepada syarikat dan tidak boleh digunakan dalam mana-mana isu undang-undang yang boleh menjejaskan anda.

Notis Privasi

UTC menghormati privasi maklumat peribadi yang anda mungkin berikan dalam proses penyerahan borang ini dan dalam sebarang komunikasi tambahan yang dibuat dengan program Ombudsman. Melainkan undang-undang tempatan memerlukan anda mengenalkan diri anda, semua maklumat peribadi yang anda berikan diberi secara sukarela sepenuhnya. Jika anda mesti mengenalkan diri anda, satu-satunya maklumat yang perlu diberikan ialah nama anda. Bergantung pada sifat kemusykilan atau pertanyaan anda, program Ombudsman mungkin meminta maklumat peribadi tambahan supaya pihak pengurusan boleh menyemak dan menjawabnya. Anda boleh memilih untuk memberikan atau tidak memberikan maklumat tambahan ini.

Maklumat peribadi yang anda berikan hanya akan digunakan: (1) untuk menyelesaikan pertanyaan anda; (2) dengan mengeluarkan semua maklumat pengenalan dan secara keseluruhan, untuk tujuan statistik dan pelaporan; (3) sekiranya berlaku penjualan atau pemindahan sebahagian atau semua aset UTC, untuk menukar kepada pemilik baharu; dan (4) sekiranya diperlukan undang-undang. Anda boleh meminta peluang untuk menyemak maklumat peribadi pekerja yang disimpan dalam sistem ini untuk membetulkan, meminda, atau menghapuskan maklumat yang jelas tidak tepat atau tidak lengkap, selagi tidak dilarang undang-undang yang dikenakan. Maklumat peribadi mungkin digunakan dan dikongsi dalam kalangan bahagian, subsidiari, dan rakan sekutu UTC, organisasi dan agensi kerajaan, dan pembekal perkhidmatan mengikut kebenaran atau diperlukan undang-undang, pengawalaturan, atau arahan mahkamah. UTC mendapat jaminan kontraktual daripada pembekal perkhidmatannya supaya mereka melindungi maklumat peribadi pekerja menurut Notis ini.

Untuk pekerja, semua komunikasi dengan program Ombudsman, termasuk borang ini, tertakluk pada Notis Privasi Pekerja yang disediakan pada [halaman Privasi UTC](#). Sebarang soalan atau kemusykilan tentang Notis ini dan penggunaannya perlu diajukan kepada Naib Presiden UTC, Etika & Pematuhan Global di eco@corphq.utc.com.